

# Sarjana Eropah puji kesungguhan penuntut UMS

## Durie Rainer Fong

KOTA KINABALU: Dua sarjana Eropah tertarik dengan kesungguhan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) selepas memberikan kuliah ringkas di institusi pengajian tinggi itu baru-baru ini.

Ahli sejarah Eropah, Prof Dr Georgi Verbeeck dan pakar pengajian media Prof Dr Karin Wenz kedua-duanya dari Universiti Maastricht Belanda, tertarik dengan kesungguhan mereka sehingga mereka berharap dapat berada di sana lebih lama untuk lebih mengenal lebih lanjut para pelajar dan begitu juga sebaliknya.

"Saya fikir kami memerlukan lebih banyak masa untuk lebih mengenali para pelajar ini dan untuk mereka mengenali kami, untuk bercakap lebih banyak," kata Wenz, sebelum menambah, "(tetapi) ia sangat seronok melihat ramai pelajar datang ke kuliah ini."

Beliau juga terharu melihat persediaan para pelajar tersebut sebelum datang ke kuliah tersebut. "Mereka bersedia, yang mana saya tidak menjangkakannya...mereka mengulangkaji sebelum mereka datang," katanya, dan mengatakan walaupun pada awalnya mereka agak kekok.

Walaupun batasan bahasa kadangkadang menjejaskan perbincangan, Verbeeck gembira melihat para pelajar tersebut berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perspektif Eropah.

"Kami mengajar untuk tiga hingga empat hari (tetapi ia mengambil masa) satu semester sebelum kami (benar-benar) boleh menyampaikan kursus, jadi pengalaman kami amat terhad tetapi secara keseluruhannya bagi saya para pelajar mempunyai minat untuk belajar mengenai Eropah dan sejarah Eropah."

"Ia adalah satu proses yang panjang untuk kedua-dua pihak dan batasan bahasa sudah pasti bukan masalah biasa buat rakyat Malaysia...(tetapi) mereka benar-benar menepati jangkauan saya," katanya.

Kedua-dua ahli akademik itu menyampaikan kuliah kepada para pelajar di Sekolah Sains Sosial, sebagai sebahagian daripada aktiviti pada Minggu Aktif EU (Kesatuan Eropah) bermula 8 Ogos di UMS yang berakhir Ahad lepas.

Minggu Aktif EU adalah minggu mengajar Eropah, yang mana adalah sebahagian daripada projek yang dikenali sebagai Kerjasama Kesatuan Eropah dan Malaysia (MYEULINK) projek pemindahan ilmu berkaitan Eropah yang dikoordinasikan oleh Universiti Nottingham Kampus Malaysia (UNMC).